

Syarahan: Pentingnya Mencintai Bahasa Melayu

Pilih jawapan yang betul.

Selamat sejahtera kepada Tuan Pengerusi Majlis, guru-guru, rakan-rakan yang saya kasihi. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan syarahan “Pentingnya Mencintai Bahasa Melayu” pada pagi ini.

Bahasa Melayu, bahasa kebangsaan negara kita. Kempen ‘Cintailah Bahasa Kita’ 1[dilancarkan / melancarkan] sepanjang bulan ini. Semua bangsa perlu kenal bahasa Melayu kerana bahasa Melayu bahasa kebangsaan kita. Kita bukan sahaja mesti tahu mengeja, menyebut 2[malah / kerana] menggunakan bahasa Melayu dengan betul.

Tujuan kempen ini diadakan adalah kerana bahasa Melayu semakin mengalami 3[tercemar / pencemaran]. Sebagai bakal pemimpin negara, kita haruslah bertindak sebagai 4[pergerakan / penggerak] untuk membetulkan keadaan yang semakin merunsingkan.

Usaha-usaha memartabatkan bahasa Melayu harus 5[melaksanakan / dilaksanakan] secara berterusan melalui sistem pendidikan. Bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar dalam sekolah-sekolah. 6[Beberapa / Segala] urusan rasmi kerajaan turut menggunakan bahasa Melayu yang merupakan bahasa kebangsaan negara kita.

Sebenarnya, banyak kebaikannya jika bahasa Melayu 7[memartabatkan / dimartabatkan]. Melalui bahasa Melayu, perpaduan dapat 8[dicapai / mencapai]. Hal ini demikian kerana kita dapat 9[terelak / mengelakkan] salah faham sesama rakyat.

Bahasa Melayu yang merupakan lambang kedaulatan negara dan jati diri bangsa. Penggunaannya semestinya 10[dipertingkat / dipertingkatkan] agar menjadi amalan masyarakat berinteraksi dan berhubung.

Sebelum mengundurkan diri, izinkan saya menyeru kepada semua warganegara Malaysia agar sama-sama 11[menguasai / menguasai] dan menjadikan bahasa Melayu sebagai asas perpaduan negara. Bahasa Menunjukkan Bangsa! Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh hlp.edupassion@gmail.com